

# AXCEL CLARITHROMYCIN-125 SUSPENSION

Clarithromycin (125mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Clarithromycin-125 Suspension.
2. Bagaimana Axcel Clarithromycin-125 Suspension berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Clarithromycin-125 Suspension.
4. Cara menggunakan Axcel Clarithromycin-125 Suspension.
5. Semasa menggunakan Axcel Clarithromycin-125 Suspension.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Clarithromycin-125 Suspension.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Clarithromycin-125 Suspension

Axcel Clarithromycin-125 Suspension digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh bakteria di:

- Dada.
- Tekak.
- Sinus.
- Telinga [keradangan tertentu di tengah telinga (*otitis media*)].
- Kulit dan lapisan tisu di bawah kulit.

## Bagaimana Axcel Clarithromycin-125 Suspension berfungsi

Clarithromycin merupakan antibiotik dari kelas macrolide. Clarithromycin berfungsi dengan memusnahkan beberapa jenis bakteria yang menyebabkan jangkitan tertentu.

## Sebelum menggunakan Axcel Clarithromycin-125 Suspension

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Clarithromycin-125 Suspension jika:

- Anda hipersensitif pada macrolides.
- Anda adalah individu yang menerima terapi terfenadin yang mempunyai ketidaknormalan jantung yang sedia ada seperti denyutan jantung yang tidak normal, penyakit jantung (pengurangan bekalan darah ke jantung), kegagalan jantung, dan lain-lain atau gangguan elektrolit.
- Anda menghidapi kerosakan fungsi buah pinggang atau hati.

- Ia tidak dipreskripsi oleh doktor atau ahli farmasi bertauliah kepada anda.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum menggunakan Axcel Clarithromycin-125 Suspension

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubat, makanan dan pewarna.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsi oleh doktor anda).

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin berinteraksi dengan Axcel Clarithromycin-125 Suspension anda:

- Carbamazepine dan theophylline.
- Ubat yang dimetabolismakan oleh sistem sitokrom P-450 (eg., digoxin, warfarin).
- Terfenadine.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Clarithromycin-125 Suspension dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

## Cara menggunakan Axcel Clarithromycin-125 Suspension

### -Berapa banyak harus digunakan

Axcel Clarithromycin-125 Suspension:

#### *Kanak-kanak:*

Dos yang disarankan bergantung pada regim 7.5mg/kg 2 kali sehari. Dos ditambah hingga 500mg 2 kali sehari digunakan untuk merawat jangkitan yang serius.

\*Dos bagi kanak-kanak yang berat badan kurang daripada 8kg perlu bergantung pada setiap kg (lebih kurang 7.5mg/kg 2 kali sehari)

Dos bagi individu yang menghidapi kerosakan ginjal:

- Doktor anda mungkin menetapkan dos yang lebih rendah untuk anda jika anda mempunyai penyakit buah pinggang.
- Dos akan diteruskan melebihi 14 hari dalam keadaan sedemikian.

Dos bagi individu yang menghidapi jangkitan mikobakteria:

- Tempoh rawatan umum bagi 5-10 hari bergantung pada patogen terlibat dan tahap keadaan.
- Rawatan *Streptococcal pharyngitis* harus paling kurang 10 hari.

### *Arahan campuran:*

Tambah air perlahan-lahan sehingga pada tanda pada label bekas. Tutup bekas dan goncang dengan rancak. Cara ini memberi larutan sebanyak 60ml.

### -Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Clarithromycin-125 Suspension mengikut keadaan anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Reaksi alahan yang diiringi dengan pengambilan berlebihan boleh dirawat melalui langkah sokongan penyingkirkan ubat yang tidak diserap dengan segera.

# AXCEL CLARITHROMYCIN-125 SUSPENSION

Clarithromycin (125mg/5ml)

Anda perlu menghubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Axcel Clarithromycin-125 Suspension berlebihan.

## Semasa menggunakan Axcel Clarithromycin-125 Suspension

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Clarithromycin-125 Suspension.
- Beritahu kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Clarithromycin-125 Suspension dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan pengambilan berterusan dalam dos yang tinggi.
- Langkah berhati-hati harus diambil semasa mengambil Axcel Clarithromycin-125 Suspension ketika hamil dan menyusukan bayi.

## Kesan-sesan sampingan

Seperi semua ubat-ubatan, Axcel Clarithromycin-125 Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-sesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Gangguan gastro-intestinal.
- Gangguan rasa.
- Radang pada membran mukus mulut.
- Radang pada lidah.
- Keputusan ujian hati yang tidak normal.
- Jaundice (kulit dan mata menguning).

- Keradangan hati.
- Sakit kepala dan ruam dari letusan kulit sederhana hingga jarang sekali, sindrom Steven-Johnson.
- Kesan Sistem Saraf Pusat (SSP) sementara seperti keresahan, kepeninginan, masalah tidur, halusinasi dan kekeliruan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Clarithromycin-125 Suspension

### -Penyimpanan

Jauhkan Axcel Clarithromycin-125 Suspension dari jangkauan kanak-kanak. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya. Simpan pada suhu bawah 30°C sehingga campuran. Selepas campuran, disejukkan pada suhu 2°C hingga 8°C.

### -Pelupusan

Jangan guna Axcel Clarithromycin-125 Suspension yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Axcel Clarythromycin-125 Suspension adalah granul berwarna putih dan memberi larutan berwarna putih dengan perisa buah-buahan selepas campuran.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:  
Clarithromycin
- Bahan Tidak Aktif:  
Icing Sugar, Refined Sugar PXX, Sodium Saccharin, Kolloidon K30, Citric Acid, Xanthan Gum, Aerosil, Potassium Sorbate, Titanium Dioxide dan Exotic Blend Powder.

### -Nombor MAL

MAL20040904AZ

## Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

23/04/2018

## Nombor siri

NPRA(R4/1)230418/00115